

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 3 (01)

Tarikh : 10 Oktober 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 6/2019

MEKANISME BAHARU PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN LUAR NEGARA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 3/2017 – MQA sebagai Badan Pengiktirafan Kelayakan bertarikh 25 Ogos 2017.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, urusan pengiktirafan kelayakan dilaksanakan oleh MQA kecuali bagi maksud pelantikan dalam Sektor Perkhidmatan Awam yang diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk diterima pakai oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM).

3. Kelayakan yang diberi pengiktirafan Kerajaan Malaysia boleh disemak di Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) dan Sistem Pengiktirafan Kelayakan Pengiktirafan Awam (eSisraf). Status pengiktirafan kelayakan dalam dan luar negara, terutamanya sehingga tahun 2016 boleh disemak di eSisraf manakala status pengiktirafan kelayakan di Malaysia berasaskan akreditasi MQA mulai tahun 2017 boleh disemak di MQR.

4. Dalam pada itu, MQA juga melaksanakan proses pengesahan pengiktirafan kelayakan luar negara berasaskan status pengiktirafan di negara asal bagi kelayakan yang tidak tersenarai dalam eSisraf dan MQR. Proses ini melibatkan semakan dan pengesahan status pengiktirafan dan jaminan kualiti oleh pihak berautoriti ke atas program dan institusi.

5. Mekanisme baharu ini dilaksanakan melalui dua kaedah berikut:

a) Tajaan Kerajaan

- i) Permohonan daripada badan penaja kerajaan yang akan menaja pelajar Malaysia bagi mengikuti program pengajian luar negara yang belum tersenarai dalam eSisraf;
- ii) Permohonan dikemukakan kepada MQA dengan menyertakan butiran bidang pengajian;
- iii) Permohonan disertakan dengan surat sokongan daripada perwakilan Malaysia yang bertanggungjawab ke atas negara terbabit seperti Kementerian Pendidikan Malaysia; dan

- iv) Kelayakan akan disenaraikan dalam eSisraf setelah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Penilaian Pengiktirafan MQA dan Pihak Berkuasa Melantik.

b) Pembiayaan Persendirian

- i) Permohonan daripada warganegara Malaysia yang telah menamatkan program pengajian luar negara yang tidak tersenarai dalam eSisraf;
- ii) Permohonan disertakan dengan mengemukakan salinan skrol, transkrip, bukti pengiktirafan daripada negara asal dan dokumen sokongan yang berkaitan;
- iii) Bayaran fi proses sebanyak RM100; dan
- iv) Surat pengesahan pengiktirafan kelayakan akan dikeluarkan sekiranya memenuhi kriteria semakan yang ditetapkan.

6. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Tatacara lengkap bagi permohonan boleh dirujuk di portal MQA, www.mqa.gov.my.

7. Pihak MQA berharap agar semua pihak mengambil maklum mekanisme baharu ini dalam melancarkan proses pengesahan pengiktirafan kelayakan yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
43400 SERDANG, SELANGOR
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR
11. Pengarah
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 4, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
12. Pengarah
Bahagian Pembangunan Organisasi
Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 8 – 10
Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 W.P. PUTRAJAYA
13. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Guru
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Aras 2, Blok B3
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 W.P. PUTRAJAYA
14. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Aras 6-10, Blok C7, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 W.P. PUTRAJAYA